

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/1992

Oktober/November 1991

BOI 180/3: BIOLOGI INVERTEBRATA

Masa: [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

.../2

(BOI 180/3)

1. Filum Cnidaria telah dibahagikan kepada tiga Kelas utama. Bincangkan tentang peranan peringkat medusa di dalam kitar hidup haiwan cnidaria di dalam ketiga-tiga Kelas itu. Berikan contoh-contoh spesifik untuk menjelaskan jawapan anda.
(20 markah)

2. Dengan bantuan gambarajah-gambarajah berlabel, huraikan struktur dan fungsi insang seekor haiwan Lamellibranchiata yang dinamakan.
(20 markah)

3. Bagaimanakah satu sporozoa berbeza dari Kelas-kelas protozoa yang lain. Gunakan contoh-contoh yang dinamakan untuk menjelaskan jawapan anda.
(20 markah)

4. (a) Bincangkan ciri-ciri umum Filum Arthropoda. Senaraikan Kelas-kelas utama Filum ini.
(10 markah)

- (b) Senaraikan tujuh Order utama Kelas Insecta berasaskan bilangan species yang besar. Dengan menggunakan ciri kepak (sayap), sediakan satu petunjuk dwicabang untuk sekurang-kurangnya empat Order serangga yang dinamakan.
(10 markah)

(BOI 180/3)

5. (a) Bincangkan ciri-ciri umum Filum-Filum utama kumpulan haiwan cacing.
(10 markah)
- (b) Parasitisma adalah tersebar luas di dalam kumpulan haiwan cacing helminth. Dengan menggunakan contoh-contoh yang spesifik, bincangkan cara-cara penyesuaian diri kumpulan cacing ini sebagai parasit.
(10 markah)

6. Tuliskan nota tentang EMPAT daripada tajuk yang berikut:-

- (i) Apterygota dalam Kelas Insecta
- (ii) Rangka hidraulik haiwan Annelida
- (iii) Konsep spesies biologi
- (iv) Proglotid cacing Cestoda
- (v) Mekanisma pengawalan proses metamorfosis dalam serangga.

(20 markah)

-oooOooo-